



The Observer

Deloitte sedang menjalankan Tinjauan Pengawasan Tingkah Laku 2024 bagi mendapatkan gambaran tentang sikap dan keupayaan organisasi terhadap tukang adu (whistleblowing). Peserta, terutamanya pengurusan kanan, ketua-ketua pegawai (c-suite) atau eksekutif peringkat lembaga yang menyelia hal-hal berkaitan tukang adu daripada pelbagai latar belakang seperti undang-undang, audit dalam, risiko, pematuhan dan integriti, digalakkan untuk mengambil bahagian.



Sila klik [pautan](#) atau imbas kod QR di sebelah kanan untuk mengakses tinjauan ini.

19.04.2024

❖ **Penelitian terhadap pelaksanaan pengumpulan dana, pendedahan serta penggunaan hasil yang diperoleh**

Dalam Laporan Tahunan 2023 yang diterbitkan baru-baru ini, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengulangi pendirian mereka untuk memantau secara proaktif tatakelakuan syarikat awam tersenarai (*public listed companies, PLC*) melalui usaha pengawasannya bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan sekuriti, dengan tujuan untuk melindungi kepentingan pelabur dan memelihara integriti pasaran modal.

Pengawal selia itu berkata pengumpulan dana melalui penerbitan saham oleh PLC dan pendedahan mengenai urus niaga korporat kekal menjadi keutamaannya dalam masa terdekat.

Perkara ini berlaku pada tahun 2023, apabila pasukan pengawasan pengawal selia pasaran modal mengetengahkan beberapa kebimbangan yang berkaitan dengan pendedahan, penggunaan dana yang diperoleh serta penggunaan piawaian pelaporan kewangan.

Pada tahun tersebut, SC melakukan semakan pengawasan ke atas 118 PLC berdasarkan pengumuman oleh PLC yang terlibat, berita dalam media arus perdana dan bukan arus perdana serta aduan yang diterima untuk mengesan potensi pelanggaran undang-undang sekuriti atau ketidakpatuhan terhadap piawaian pelaporan kewangan.

Sebagai sebahagian daripada proses semakannya, SC melibatkan pengarah, pegawai, juruaudit dan profesional lain yang terlibat dalam PLC untuk mencari fakta selanjutnya. Penglibatan ini juga mengingatkan para pengarah tentang keperluan untuk bertindak secara konsisten demi kepentingan terbaik syarikat dan pemegang saham mereka.

Apabila mereka mengesan penyelewengan atau kemungkinan pelanggaran undang-undang sekuriti, ia akan dibawa ke peringkat atasan bagi siasatan rasmi dan/ atau tindakan penguatkuasaan. Jika relevan, SC akan melibatkan Bursa Malaysia dalam perkara yang memerlukan penelitian yang lebih rapi sebagai pengawal selia barisan hadapan.

Dalam skop yang lebih meluas, SC memperkukuh pendekatan pengawasannya dengan mensasarkan bidang yang khusus untuk menjalankan semakan, sekali gus menghasilkan pengesanan potensi salah laku yang lebih cekap dan berkesan.

Hasil daripada pendekatan yang lebih bersasar, 166 semakan potensi salah laku korporat telah disiapkan pada tahun kewangan 2023 (2022: 317 semakan), dengan lapan kes dirujuk untuk siasatan rasmi (2022: empat kes).

Selepas mencatatkan paras tertinggi iaitu RM22.6 bilion pada 2022, aktiviti pengumpulan dana sekunder merosot kepada RM5.8 bilion berlatarkan aktiviti korporat yang lebih rendah pada 2023.

Satu contoh kes terbaik

Mungkin rekod prestasi penajaan dana ekuiti sebuah PLC yang tersenarai dalam Pasaran ACE boleh dijadikan contoh untuk menggambarkan kebimbangan SC.

Syarikat ini terlibat dalam perniagaan gentian optik dan sedang berusaha mendapatkan lampu hijau pemegang saham dalam EGM untuk meluluskan pelaksanaan penempatan persendirian (*private placement*, PP) bagi menerbitkan sehingga 134 juta saham, yang mewakili tidak lebih 30% daripada jumlah keseluruhan saham terbitannya.

Berdasarkan harga terbitan dalam ilustrasi iaitu 31 sen sesaham, PP yang dicadangkan akan mengumpulkan dana berjumlah kira-kira RM41.57 juta, sebahagian besarnya digunakan untuk membiayai kontrak masa depan dan yang sedia ada, pemerolehan dan sebagai modal kerja.

Cadangan Pindaan kepada Syarat2 Penyenaraian berhubung terbitan sekuriti baharu

Menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam usaha mereka untuk meneliti pelaksanaan pengumpulan dana, pengawal selia pasaran saham iaitu Bursa Malaysia pada 30 November 2023 telah mengeluarkan kertas kerja yang mengemukakan cadangan pindaan kepada Syarat2 Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR) dan Syarat2 Penyenaraian Pasaran ACE (AMLR), yang berkaitan antara lain, penerbitan sekuriti baharu.

Kertas kerja itu memerlukan maklum balas daripada orang ramai mengenai cadangan untuk mempertingkatkan ketelusan yang berkaitan pelaksanaan pengumpulan dana yang melibatkan penerbitan sekuriti baharu, yang memerlukan PLC:

- i. Mengemukakan pengumuman suku tahunan tentang butiran pelaksanaan penempatan yang dibuat secara berperingkat; dan
- ii. Pendedahan keupayaan kewangan penerima untuk melanggan sekuriti yang ditempatkan
- iii. Mengemukakan pengumuman suku tahunan mengenai status dan butiran penggunaan hasil yang diperoleh daripada pelaksanaan pengumpulan dana
- iv. Pendedahan berkaitan pelaksanaan pengumpulan dana ekuiti yang mana hasil yang diperoleh masih belum digunakan sepenuhnya.

Melihat rekod prestasi syarikat dengan lebih dekat, didapati bahawa syarikat telah menjalankan pelbagai pelaksanaan pengumpulan dana melalui penempatan persendirian dan skim opsyen saham pekerja (*employee share option scheme, ESOS*) dalam tempoh tiga tahun yang lalu (rujuk jadual di bawah). Selain itu, syarikat telah menerbitkan 48.5 juta saham untuk ESOS pada harga RM36.35 juta pada tahun kewangannya, yang berakhir pada 31 Mac 2022.

Tarikh	Bilangan saham yang ditempatkan (sehingga)	Jumlah yang diperolehi /akan diperolehi (RM'juta)
2 April 2021	16,124,900	9.27
9 September 2021	53,212,400	23.15
31 Januari 2023	27,908,700	19.26

Syarikat itu mempunyai deposit, tunai dan baki bank berjumlah RM36.90 juta, dengan kutipan berjumlah RM10 juta sementara menunggu penyelesaian pelaksanaan pelupusan aset. Tambahan pula, kunci kira-kira syarikat menunjukkan bahawa mereka mempunyai banyak ruang untuk bersiap sedia dengan nisbah penggearing yang rendah sebanyak 0.27 kali dengan jumlah pinjaman bank berjumlah RM28.49 juta pada 31 Disember 2023. Sebaliknya mereka memilih untuk melaksanakan pengumpulan dana ekuiti yang kerap, yang bersifat cair, terutamanya bagi pemegang saham minoriti.

Pemerolehan saham pada premium

Di samping panggilan yang berulang kali untuk pengumpulan tunai, pemerolehan saham syarikat tersenarai Bursa Malaysia lain juga menimbulkan keresahan jika transaksi ini dilakukan demi kepentingan terbaik pemegang saham minoriti.

Baru-baru ini, mereka membeli hampir 25% kepentingan dalam sebuah penyedia perkhidmatan telekomunikasi melalui dua transaksi pada premium antara 30.7% dan 80.65%, berbanding harga pasaran berpurata wajaran untuk volum selama lima hari (*volume weighted average market price, VWAMP*) syarikat yang diambil alih.

Demi mewajarkan premium tinggi yang dibayar, syarikat itu berkata pengambilalihan itu akan memberikan kesan sinergi, kerana mereka berhasrat untuk memanfaatkannya sebelum menjejaskan kaki dalam sektor telekomunikasi serta mengukuhkan prospeknya untuk kerja-kerja pada masa hadapan.

Di sebalik keyakinan itu, syarikat yang diambil alih telah mencatatkan kerugian dengan kerugian bersih berjumlah RM13.4 juta bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Disember 2023. Oleh itu, tidak hairanlah apabila kita melihat harga saham syarikat tersebut merosot daripada harga tertinggi dalam tempoh 52 minggu iaitu 46 sen pada September 2023 kepada 25.5 sen pada masa sekarang.

Secara keseluruhan, justifikasi untuk membayar premium yang begitu tinggi kepada harga pasaran syarikat yang diambil alih nampaknya tidak masuk akal. Malangnya, tindakan ini juga nampaknya tidak menggambarkan penggunaan dana pemegang saham dengan cara terbaik.

Dalam perkembangan lain, syarikat itu juga telah mendapat mandat am daripada pemegang saham untuk pengarahnya menerbitkan saham menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016 pada AGM syarikat yang diadakan pada bulan lepas.

Melihat aktiviti pengumpulan tunai yang kerap dilakukan sebelum ini, timbul persoalan dalam fikiran semua orang sama ada syarikat itu mempunyai pelan modal berbilang tahun yang melangkaui pemenuhan komitmen kewangannya yang segera.

Oleh Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 22 hingga 26 April 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
23.04.24 (Selasa) 10.00 pagi	Petronas Gas Berhad (AGM)	<p>Pendapatan kumpulan meningkat 4.6% atau RM285.25 juta, mencecah RM6.45 bilion pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Sementara itu, keuntungan sebelum cukai Kumpulan menunjukkan peningkatan sebanyak 5.1% atau RM116.65 juta tahun ke tahun, disumbangkan oleh bahagian keuntungan yang lebih tinggi daripada syarikat usaha sama, kos pembiayaan yang lebih rendah serta kesan yang lebih rendah daripada pergerakan pertukaran asing yang tidak menggalakkan berikutan penyelesaian awal liabiliti pajakan dalam USD.</p> <p>Keuntungan meningkat 8.1% atau RM142.57 juta kepada RM1.9 bilion, berpunca daripada perbelanjaan cukai yang lebih rendah, terutamanya disebabkan ketiadaan Cukai Makmur yang dikenakan pada tahun kewangan 2022.</p>
24.04.24 (Rabu) 09.30 pagi	United Plantations Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencapai rekod keuntungan bersih tertinggi sebanyak RM711 juta (tahun kewangan 2022: RM606 juta) di tengah-tengah pasaran global yang tidak menentu, walaupun mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM2.01 bilion pada tahun kewangan 2023 (2022: RM2.51 bilion).</p>

		<p>Penurunan prestasi barisan atas sebahagian besarnya disebabkan oleh harga pasaran yang lebih rendah, yang memberi kesan terhadap hasil jualan daripada bahagian penapisan hiliran.</p> <p>Sementara itu, prestasi yang memecahkan rekod ini disokong oleh ketiadaan cukai makmur yang tidak berulang sebanyak 9% dan bayaran sukarela sekali sahaja yang berkaitan pembayaran balik yuran pengambilan Pekerja Tamu Kumpulan sebelum ini yang dibayar pada 2022.</p>
24.04.24 (Rabu) 10.00 pagi	Petronas Chemicals Group Berhad (AGM)	<p>Pendapatan PCG menurun sedikit kepada RM28.67 bilion pada tahun kewangan 2023 daripada RM28.95 bilion pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, keuntungan bersih menyusut kepada RM1.8 bilion daripada RM6.3 bilion disebabkan permintaan yang lebih rendah berikutan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan serta kapasiti tambahan yang datang dari dalam talian. Di samping itu, Kumpulan berdepan peningkatan kos bahan mentah dan utiliti, yang mengecilkan sebaran untuk kebanyakan produk.</p> <p>Memandangkan landskap ekonomi tidak menentu, sektor kimia akan terus menghadapi tekanan yang berterusan ke atas harga dan margin.</p>
24.04.24 (Rabu) 10.00 pagi	Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan untung bersih berjumlah RM327.26 juta, dengan peningkatan sebanyak 3.22% meskipun bersandarkan pendapatan yang lebih rendah, sebanyak RM2.26 bilion atau 6.3%. Ini adalah kerana sebahagian daripadanya terjejas oleh ketiadaan cukai makmur pada tahun kewangan berakhir 2023 dan peningkatan dalam bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu.</p> <p>Operasi Kumpulan di Malaysia akan memulakan pengilangan tempatan untuk botol kuart dan pain Sapporo. Kumpulan juga sedang meneroka peluang usaha sama lain dengan Sapporo.</p>

<p>24.04.24 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Hextar Capital Berhad (dahulunya dikenali sebagai Opcom Holdings Berhad) (EGM)</p>	<p>Syarikat berhasrat untuk melaksanakan cadangan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Cadangan pelupusan 40.00% kepentingan ekuiti dalam UUK dengan harga GBP1.30 juta (kira-kira RM7.60 juta); ii. Cadangan pelupusan 40.00% kepentingan ekuiti dalam UIP dengan harga GBP0.40 juta (kira-kira RM2.34 juta); iii. Cadangan penempatan persendirian sehingga 134,089,200 saham baharu (30% daripada saham terbitan), dengan harga terbitan indikatif RM0.31 sesaham. <p>Hasil daripada ketiga-tiga cadangan ini dijangka akan digunakan untuk membiayai pelaksanaan kontrak yang sedia ada dan akan datang, pemerolehan masa hadapan dan modal kerja.</p>
<p>24.04.24 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>KLCC Property Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan prestasi kewangan yang teguh dengan pertumbuhan barisan teratas sebanyak 11.0% dan peningkatan keuntungan sebanyak 7.6%, tidak termasuk pelarasan nilai saksama berjumlah RM853.8 juta.</p> <p>Peningkatan prestasi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan jumlah pengunjung dan jumlah yang dibelanjakan di pusat beli-belahnya serta kadar penghunian yang lebih tinggi di Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur (Hotel MOKUL).</p> <p>Pendapatan hotel bagi setiap bilik yang tersedia (<i>revenue per available room</i>, RevPAR) boleh dikatakan yang terbaik dalam sejarah.</p>
<p>24.04.24 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Ingenieur Gudang Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Syarikat meningkat daripada RM12.97 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM20.35 juta pada tahun kewangan 2023 berikutan pertambahan bilangan projek yang diperoleh serta kemajuan kerja yang lebih baik dalam segmen pembinaan</p>

		<p>pada tahun kewangan dalam tinjauan.</p> <p>Kumpulan mencatatkan untung bersih sebanyak RM17.94 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (tahun kewangan berakhir 2022: RM19.27 juta), terutamanya disumbangkan oleh keuntungan nilai saksama ke atas hartanah pelaburan, serta keuntungan daripada pelupusan hartanah yang terletak di Sungai Jawi, Pulau Pinang.</p>
25.04.24 (Khamis) 09.30 pagi	Country View Berhad (AGM)	<p>Country View mencatatkan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi masing-masing berjumlah RM109.7 juta dan RM12.0 juta pada tahun kewangan 2023, berbanding RM81.3 juta dan RM4.1 juta, pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Pendapatan dan keuntungan sebelum cukai sebahagian besarnya diperoleh daripada bahagian pembangunan hartanah, terutamanya disumbangkan oleh harga jualan yang lebih tinggi untuk Aurora Resort Villas.</p>
25.04.24 (Khamis) 10.00 pagi	Affin Bank Berhad (AGM)	<p>Affin Bank menyaksikan perkembangan yang menarik sejak kebelakangan ini apabila kerajaan negeri Sarawak tampil sebagai pemegang saham Bank.</p> <p>Kerajaan negeri dikatakan sedang dalam proses memperoleh lebih banyak saham dalam Bank itu, justeru pemegang saham perlu meneliti perkembangan ini untuk Bank dan prospeknya.</p>
25.04.24 (Khamis) 10.00 pagi	Malayan Banking Berhad (AGM)	<p>2023 merupakan tahun yang memberangsangkan untuk Maybank apabila bank itu merekodkan keuntungan bersih berjumlah RM9.35 bilion, dengan pertumbuhan 17.5% tahun ke tahun daripada RM7.96 bilion (yang dinyatakan semula) pada tahun sebelumnya.</p> <p>Selain itu, Maybank merekodkan pertumbuhan pinjaman yang kukuh sebanyak 9.2% tahun ke tahun kepada</p>

		<p>RM640.75 bilion, mencapai tahap pertumbuhan yang belum pernah dilihat sejak 2015. Bank menyaksikan portfolio pinjamannya berkembang di seluruh Malaysia, Singapura dan Indonesia.</p>
<p>25.04.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>SP SETIA Berhad (AGM)</p>	<p>Didorong oleh permintaan yang kukuh untuk produk dan pengewangan tanahnya, jualan SP Setia pada tahun kewangan 2023 melepasi sasaran untuk tahun tersebut iaitu RM4.20 bilion, meningkat 21% kepada RM5.10 bilion.</p> <p>Pendapatan yang dicatatkan sememangnya membanggakan iaitu RM4.37 bilion, bersama-sama keuntungan sebelum cukai yang meningkat 13%, berjumlah RM656 juta.</p> <p>Sementara itu, program penyahgearan Kumpulan secara menyeluruh melalui disiplin pengurusan modal yang konsisten dan berkesan berada di landasan yang betul, dengan peminjaman berjaya dikurangkan sebanyak RM1.30 bilion, yang menyebabkan penurunan dalam nisbah penggearan bersih daripada 0.57x pada tahun kewangan 2022 kepada 0.49x.</p> <p>Pemaju hartanah ini mengisytiharkan dividen 1.34 sen sesaham.</p>
<p>25.04.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Malakoff Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Malakoff mencatatkan pendapatan yang lebih rendah pada tahun kewangan 2023, iaitu sebanyak RM9.07 bilion, mewakili penurunan 12.4% tahun ke tahun daripada RM10.36 bilion pada tahun kewangan 2022. Kumpulan melaporkan kerugian bersih berjumlah RM837.2 juta berbanding keuntungan bersih RM302.2 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>2023 terbukti sebagai tahun yang mencabar untuk industri penjanaan kuasa berikutan penurunan mendadak harga arang batu global daripada paras tertinggi pada tahun 2022. Harga arang batu yang lemah memberi kesan negatif kepada Malakoff disebabkan margin bahan</p>

		api yang negatif. Kumpulan juga menghadapi peningkatan kos perniagaan dan persaingan yang semakin sengit dalam sektor tenaga boleh dibaharui (<i>renewable energy, RE</i>).
25.04.24 (Khamis) 11.00 pagi	Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)	Selaras dengan permintaan yang lemah untuk kelengkapan isi rumah di Amerika Syarikat, Kumpulan mencatatkan perolehan yang lebih rendah sebanyak RM428.11 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM703.15 juta pada tahun kewangan 2022. Sehubungan itu, untung bersihnya jauh lebih rendah pada tahun kewangan 2023 iaitu berjumlah RM26.71 juta, berbanding RM84.05 juta pada tahun kewangan 2022. Kumpulan perlu mengutamakan pelaburan dalam keupayaan pembuatan, termasuk automasi digital bagi meningkatkan produktiviti serta meningkatkan fleksibiliti bagi memenuhi keperluan pasaran, akses kepada bahan mentah dan kapasiti logistik.
25.04.24 (Khamis) 04.00 petang	Sentoria Group Berhad (EGM)	Sentoria mencadangkan resolusi berikut untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham: - Cadangan Penyatuan Saham pada asas empat saham sedia ada kepada satu saham. - Cadangan penerbitan Bon Boleh Tukar Boleh Tebus (<i>Redeemable Convertible Bonds, RCB</i>) dengan nilai nominal agregat sehingga RM150 juta (boleh ditukar kepada sehingga 306.69 juta saham Sentoria baharu).

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Petronas Gas Berhad (AGM)	1. Walaupun PGB mengiktiraf kepentingan projek tenaga boleh dibaharui untuk menyokong objektif pertumbuhan jangka panjang Kumpulan serta menjaga reputasinya, ia tetap mengambil berat tentang cabaran yang berpotensi. Ketidakpastian kawal selia, termasuk aspek seperti liberalisasi pasaran gas, perdagangan tenaga boleh dibaharui dan pelaksanaan cukai karbon di Malaysia,

	<p>merupakan faktor utama yang perlu dipertimbangkan. (Halaman 7, Laporan Kelestarian 2023)</p> <p>Sila huraikan tentang aspek ketidakpastian yang dimaksudkan. Bagaimanakah pula liberalisasi pasaran gas, perdagangan tenaga boleh dibaharui serta pelaksanaan cukai karbon di Malaysia boleh mempengaruhi perniagaan PCB?</p> <p>2. Penjimatan kos daripada Pemulihan, Kitar Semula, Guna Semula dan Pengurangan (<i>Recover, Recycle, Reuse and Reduce, 4R</i>) adalah seperti yang dinyatakan di bawah: 2023: RM5.9 juta 2022: RM1.9 juta 2021: RM0.7 juta (Halaman 14, Laporan Kelestarian 2023)</p> <p>Sejumlah 2,083 tan metrik (MT), bersamaan 74% daripada jumlah sisa berbahaya, telah dipulihkan oleh aktiviti 4R di premis yang ditetapkan, sekali gus melebihi jumlah yang disasarkan untuk 2023 iaitu 56%. (Halaman 66, Laporan Kelestarian 2023)</p> <p>Usaha PCB berjaya menjimatkan kos dengan ketara sebanyak RM5.9 juta pada tahun kewangan 2023 melalui aktiviti 4R wajar dipuji. Ia jauh melebihi sasaran pada tahun kewangan 2023 dan penjimatan pada tahun kewangan 2021 dan tahun kewangan 2022.</p> <p>Bagaimanakah PCB mencapai kejayaan yang membanggakan itu? Pada masa hadapan, adakah terdapat kemungkinan penambahan yang ketara dalam penjimatan kos?</p>
United Plantations Berhad (AGM)	<p>Selepas pelantikan Tunku Alizakri (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas) ke dalam Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2023, kemudiannya sampai ke pengetahuan Lembaga Pengarah bahawa dua ahli keluarga terdekat beliau menganggotai lembaga pengarah syarikat tersenarai awam dalam industri yang sama seperti United Plantations. Dalam menangani konflik kepentingan (<i>conflict of interest, COI</i>) yang dilihat dan yang selaras dengan tadbir urus yang baik, Tunku Alizakri secara proaktif telah mengemukakan peletakan jawatannya daripada Lembaga Pengarah serta meletakkan jawatan pada 19 Februari 2024 untuk mengelakkan sebarang isu COI. (Halaman 134, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Pencalonan bagi memastikan risiko COI yang dilihat dapat dikurangkan dan ditangani dalam pelantikan pengarah pada masa hadapan?</p>
Petronas Chemicals Group Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>Antara risiko kelestarian ialah kos operasi yang tinggi disebabkan oleh pembangunan teknologi karbon rendah yang</p>

	<p>mahal dan peningkatan kos pinjaman. (Halaman 20, Laporan Kelestarian 2023)</p> <p>Bagaimanakah Kumpulan mengurus kedua-dua isu ini serta keseimbangan antara penyahkarbonan bagi mengelakkan kehilangan bahagian pasaran dan keuntungan yang terjejas disebabkan peningkatan kos? Terangkan secara ringkas kemajuan proses penyahkarbonan.</p> <p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u></p> <p>Merujuk Laporan Tadbir Urus Korporat Syarikat 2023 (halaman 21), Amalan 4.4 menyatakan bahawa penilaian prestasi lembaga pengarah dan pengurusan kanan termasuk semakan terhadap prestasi lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam menangani peluang dan risiko kemampuan syarikat yang ketara.</p> <p>a) Apakah peluang dan risiko kemampuan yang ketara yang terangkum dalam penilaian prestasi ini? Adakah penutupan yang tidak dirancang pada tahun kewangan 2023 yang mencetuskan risiko kemampuan perniagaan yang ketara telah dimasukkan dalam penilaian prestasi?</p> <p>b) Bagaimanakah prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan berhubung metrik ini?</p> <p>c) Apakah bidang yang memerlukan tumpuan dan perhatian yang lebih daripada Lembaga Pengarah dan pengurusan?</p> <p>Sila ambil perhatian, dalam Panduan 4.4 daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah diperuntukkan bahawa pemegang saham syarikat juga perlu dimaklumkan tentang hasil penilaian dan langkah seterusnya.</p>
<p>Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (AGM)</p>	<p>a) "Secara amnya, tahun lepas adalah tahun yang sukar disebabkan pengguna lebih berhati-hati dan berbelanja mengikut budi bicara, sementara kenaikan kadar faedah menjejaskan sentimen pengguna dan prospek ekonomi" (Halaman 33, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>Apakah perancangan Syarikat untuk menangani perubahan sentimen pengguna serta mengekalkan daya saing pasaran, terutamanya dalam kategori premium?</p> <p>b) "Pengukuran kami untuk pemulihan dan penggunaan semula air ditumpukan semata-mata kepada pemulihan air bawah tanah. Penurunan yang diperhatikan pada tahun 2023 adalah disebabkan oleh peraturan baharu yang menghadkan tempoh pengestrakan air bawah tanah harian. Disebabkan itu, kadar pengestrakan yang berkurangan secara langsung menyebabkan pengurangan dalam tahap pemulihan air." (Halaman 80, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p>

	<p>Apakah penilaian yang dijalankan oleh Syarikat berhubung kesan yang berpotensi ke atas akuifer, termasuk sebarang kebimbangan yang berkaitan kehabisan dan kelestarian sumber ini dalam jangka panjang?</p>
<p>Hexstar Capital Berhad (dahulunya dikenali sebagai Opcom Holdings Berhad) (EGM)</p>	<p>Saham Tawaran akan diterbitkan pada harga tidak melebihi diskaun 20% kepada Harga Pasaran Berpurata Wajaran untuk Volum Lima Hari (<i>5-Day Volume Weighted Average Market Price, 5DVWAMP</i>) Saham HexCap sejurus sebelum tarikh penetapan harga.</p> <p>Lampiran 6B Bahagian A (9) dalam Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran ACE menghendaki supaya harga terbitan untuk penerbitan sekuriti baharu, asas yang digunakan untuk menentukan harga terbitan serta justifikasi penetapan harga dimasukkan dalam Pekeliling kepada pemegang saham.</p> <p>a) Apakah sebab untuk tidak memasukkan justifikasi bagi penerbitan saham tawaran pada harga tidak melebihi diskaun 20% diskaun kepada 5DVWAMP Saham HexCap?</p> <p>b) Disebabkan diskaun yang disebutkan di atas serta saiz tawaran, pelaksanaan tawaran ini akan mencairkan pegangan saham pemegang saham yang sedia ada. Sila berikan justifikasi untuk menetapkan harga saham tawaran ini pada diskaun sehingga 20% kepada 5DVWAMP Saham HexCap, dengan mengambil kira prospek Kumpulan HexCap.</p>
<p>KLCC Property Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan terus meningkatkan kecekapan tenaga dan airnya, malah telah mula menggunakan pemantauan jarak jauh menggunakan gondola berteknologi GPS, semuanya diurus oleh IBCC. (Halaman 19, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Bagaimanakah pemantauan menggunakan gondola berteknologi GPS boleh meningkatkan kecekapan tenaga dan air Kumpulan?</p> <p>b) Sila berikan jangkaan penjimatan dari segi peratusan dan nilai sebelum dan selepas menggunakan sistem pemantauan gondola.</p> <p>c) Berapakah jumlah perbelanjaan modal yang ditanggung untuk pemantauan gondola berteknologi GPS?</p>
<p>Ingenieur Gudang Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun pendapatan yang dicatatkan pada tahun kewangan 2023 adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM20,348,440, berbanding RM12,974,055 yang dicatatkan pada tahun kewangan 2022, Kumpulan hanya berjaya mencatatkan margin untung kasar (<i>gross profit margin, GPM</i>) sebanyak 39.39% [(RM8,015,452/RM20,348,440) x 100] pada tahun kewangan berakhir 2023, berbanding GPM 69.48% yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya (Halaman 58, Laporan Tahunan 2023).</p>

	<p>Apakah faktor yang menyebabkan penurunan ketara dalam GPM pada tahun kewangan 2023? Apakah jangkaan dan strategi Kumpulan untuk menangani margin keuntungan pada tahun kewangan 2024?</p>
<p>Country View Berhad (AGM)</p>	<p>Jawatankuasa Pengurusan Risiko Audit (<i>Audit Risk Management Committee</i>, ARMC) telah mengesyorkan pelantikan penyedia perkhidmatan baharu iaitu Resolve IR Sdn. Bhd., (RISB) sebagai Juruaudit Dalam yang baharu. (Halaman 38, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sudah berapa lama Tricor Axcelasia Sdn. Bhd (TASB) menjadi juruaudit dalam Kumpulan?</p> <p>b) Adakah terdapat perselisihan faham antara ARMC dengan TASB dalam hal berkaitan audit dalam? Jika ada, berikan butiran mengenai perkara yang tidak dipersetujui antara kedua-dua pihak.</p> <p>c) Siapakah rakan kongsi pengurusan RISB dan apakah kelayakan beliau?</p> <p>d) Berapakah jumlah kakitangan RISB untuk tugas audit dalam dan apakah kelayakan mereka?</p> <p>e) Siapakah klien mereka (syarikat awam tersenarai) setakat Mac 2024 dan berapakah bilangan klien mereka yang merupakan pemaju hartanah?</p> <p>f) Berapakah yuran yang dipersetujui oleh RISB untuk melaksanakan tugas audit dalam bagi Syarikat pada tahun kewangan 2024?</p>
<p>Affin Bank Berhad (AGM)</p>	<p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>Affin Bank menerima pakai cadangan Pasukan Petugas Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (<i>Task Force on Climate-related Financial Disclosures</i>, TCFD). Sehingga tahun kewangan 2023, Bank telah menyepadukan sebahagian daripada cadangan TCFD ke dalam pendedahan kelestariannya (Halaman 243, Penyata Kelestarian, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Affin Bank bercadang untuk menjalankan analisis terperinci terhadap risiko dan peluang berkaitan iklim. Bagaimanakah perkembangannya sehingga kini?</p> <p>b) Penerbit tersenarai di Pasaran Utama perlu menzahirkan pendedahan berkaitan iklim untuk organisasi mereka sejajar dengan syor TCFD pada atau selepas tahun kewangan 31 Disember 2025.</p> <p>Sila nyatakan kesediaan anda secara keseluruhan untuk menerima pakai piawaian ini tepat pada masanya.</p> <p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u></p>

	<p>Sejumlah 15.59 juta saham dengan nilai saksama RM1.806 sesaham telah diberikan di bawah Skim Pemberian Saham (<i>Share Grant Scheme, SGS</i>) pada tahun kewangan 2023 (Halaman 429, Nota 58 – Pelan Insentif Jangka Panjang, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Apakah pecahan saham yang diberikan kepada kategori pekerja yang berbeza, contohnya, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (PGCEO), pegawai pengurusan kanan utama dan pekerja lain yang layak?</p> <p>b) Berapakah bilangan penerima yang diberikan saham di bawah SGS pada tahun kewangan 2023? Sila berikan julat bilangan saham SGS yang diberikan kepada seorang pekerja.</p> <p>Pada masa hadapan, sila pertimbangkan untuk menzahirkan SGS yang dianugerahkan kepada penerima dengan pecahan terperinci bagi meningkatkan ketelusan. Ini juga selaras dengan amalan bank-bank utama lain.</p>
<p>Malayan Banking Berhad (AGM)</p>	<p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>Maybank menyediakan analisis terperinci dan pecahan pelepasan yang dibiayai untuk tahun kedua berturut-turut.</p> <p>Setakat 31 Disember 2023, jumlah pelepasan yang dibiayai oleh Kumpulan adalah 30% lebih tinggi pada 33.68 juta tan metrik setara karbon dioksida (<i>tonnes (t) of carbon dioxide (CO₂) equivalent (e), tCO₂e</i>) berbanding 25.76 juta tCO₂e pada tahun kewangan 2022, disebabkan penambahan bon berdaulat sebagai kelas aset ketujuh. Jika dikecualikan kelas aset baharu, jumlah pelepasan yang dibiayai oleh Maybank adalah lebih rendah iaitu 24.6 juta tCO₂e.</p> <p>a) Pengiraan pelepasan yang dibiayai terdiri daripada pendedahan kolektif berjumlah RM759.43 bilion merentas tujuh kelas aset (Halaman 65, Laporan Alam Sekitar 2023).</p> <p>Sejauh manakah tahap liputan ini berbanding jumlah portfolio peminjaman dan pelaburan Kumpulan?</p> <p>b) Mengapakah kelas aset Kewangan Projek (<i>Project Finance</i>) mengeluarkan pelepasan yang jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 2.39 juta tCO₂e walaupun pinjaman dan pelaburan lebih rendah, berjumlah RM6.95 bilion pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM7.8 bilion)?</p> <p>c) Jumlah pelepasan yang dibiayai ditunjukkan dengan memasukkan dan tidak memasukkan penggunaan tanah, perubahan guna tanah dan perhutanan (<i>land-use, land-use change and forestry, LULUCF</i>).</p>

	<p>Sila jelaskan perbezaan dengan atau tanpa LULUCF untuk memahami saiz pelepasan yang dibiayai oleh Maybank secara keseluruhan.</p> <p>d) Bagi pendedahan pelepasan yang dibiayai mengikut sektor ekonomi, jumlah peminjaman dan pelaburan yang dibahagikan kepada empat sektor terpilih mewakili hanya 15.64% daripada jumlah keseluruhan portfolio peminjaman dan pelaburan yang berjumlah RM759.42 bilion (Halaman 66, Laporan Alam Sekitar 2023).</p> <p>Kesan ekonomi dan kewangan daripada risiko peralihan berbeza mengikut sektor, disebabkan sektor tertentu cenderung lebih sensitif terhadap peralihan kepada ekonomi rendah karbon.</p> <p>Sila berikan garis masa untuk menunjukkan keamatan pendedahan merentas lebih banyak sektor bagi menambahkan ketelusan serta penilaian yang lebih baik ke atas sensitiviti Maybank terhadap peralihan kepada ekonomi rendah karbon.</p> <p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u></p> <p>Maybank berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk kenaikan yuran dan faedah pengarah dalam AGM ini (Resolusi Biasa 6 dan 7), menurut Kajian Imbuan Lembaga (<i>Board Remuneration Review</i>, BRR) yang dilakukan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia (Halaman 58, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>a) Apakah penemuan utama pelaksanaan BRR ini? Apakah kekuatan dan kelemahan rangka kerja imbuan Maybank? Apakah cadangan yang diusulkan oleh PwC bagi mengukuhkan rangka kerja imbuan Lembaga Maybank dan kecukupannya untuk menarik dan mengekalkan bakat?</p> <p>b) Apakah pembolehubah (bebas dan bersandar) yang digunakan oleh PwC dalam analisis regresi BRR Maybank? Apakah hasil kajian tersebut?</p> <p>c) Kuantum kenaikan dalam yuran dan faedah adalah antara 10.3% dan 14.75%. Sila jelaskan asas yang digunakan untuk mengesyorkan kuantum pelarasan.</p>
<p>SP SETIA Berhad (AGM)</p>	<p>Laporan Tadbir Urus Korporat untuk tahun kewangan 2023 (Halaman 37) menyatakan bahawa Syarikat tidak menerima pakai Amalan 5.8 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia kerana Jawatankuasa Pencalonan tidak dipengerusikan oleh Pengarah Bebas atau Pengarah Bebas Kanan.</p> <p>Mengapakah Syarikat tidak mengguna pakai Amalan 5.8? Adakah terdapat sebarang rancangan untuk mengguna pakai Amalan ini?</p>

<p>Malakoff Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>1. Syarikat telah menetapkan matlamat kelestarian yang bercita-cita tinggi, termasuk pengurangan 30% dalam keamatan pelepasan gas rumah hijau (<i>greenhouse gas</i>, GHG) menjelang 2031 dan untuk meningkatkan sumbangan pendapatan daripada tenaga boleh dibaharui (<i>renewable energy</i>, RE) serta penyelesaian alam sekitar kepada sekurang-kurangnya 50% sepanjang dekad akan datang. Semua ini sejajar dengan aspirasi alam sekitar Malaysia. (Halaman 30, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>a) Setakat ini, sejauh manakah kejayaan Kumpulan dalam mengurangkan keamatan pelepasan gas rumah hijau dan sejauh manakah keyakinan pihak Pengurusan untuk mencapai sasarannya menjelang 2031?</p> <p>b) Bidang manakah yang menjadi tumpuan Kumpulan untuk meningkatkan sumbangan pendapatan daripada tenaga boleh dibaharui dan penyelesaian alam sekitar?</p> <p>2. Kecederaan Berkaitan Pekerjaan – Malakoff</p> <table border="1" data-bbox="624 875 1418 1032"> <thead> <tr> <th>Penunjuk Prestasi Keselamatan</th> <th>2022</th> <th>2023</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bilangan Insiden yang Direkodkan</td> <td>9</td> <td>351</td> </tr> <tr> <td>Bilangan Kes LTI (<i>Lost Time Injury</i>) (Operasi)</td> <td>2</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>Kadar Kekeperluan Kecederaan Masa Hilang (<i>Lost Time Injury Frequency Rate</i>, LTIFR) – Operasi</td> <td>0.29</td> <td>0.73</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sumber: Halaman 130, Laporan Tahunan Bersepadu 2023</p> <p>Penunjuk di atas menunjukkan keadaan yang semakin merosot. Apakah yang berlaku dalam kejadian itu? Apakah pengajaran yang diperoleh daripada kejadian ini? Apakah rancangan proaktif Syarikat untuk mencegah atau meminimumkan kejadian sedemikian?</p>	Penunjuk Prestasi Keselamatan	2022	2023	Bilangan Insiden yang Direkodkan	9	351	Bilangan Kes LTI (<i>Lost Time Injury</i>) (Operasi)	2	4	Kadar Kekeperluan Kecederaan Masa Hilang (<i>Lost Time Injury Frequency Rate</i> , LTIFR) – Operasi	0.29	0.73
Penunjuk Prestasi Keselamatan	2022	2023											
Bilangan Insiden yang Direkodkan	9	351											
Bilangan Kes LTI (<i>Lost Time Injury</i>) (Operasi)	2	4											
Kadar Kekeperluan Kecederaan Masa Hilang (<i>Lost Time Injury Frequency Rate</i> , LTIFR) – Operasi	0.29	0.73											
<p>Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Peningkatan dalam persaingan pasaran dan tekanan harga boleh menyukarkan Syarikat untuk memenangi perniagaan baharu dengan pelanggan tertentu dan dalam segmen pasaran tertentu pada margin keuntungan yang berpatutan. Kehilangan perniagaan daripada satu atau lebih pelanggan utama kami di Amerika Syarikat mungkin mendatangkan kesan buruk yang serta-merta kepada prestasi operasi dan kewangan Kumpulan. (Halaman 8, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Adakah pasaran AS menjadi semakin kompetitif, menyebabkan Poh Huat kehilangan jumlah jualan yang ketara? Apakah langkah yang telah diambil atau boleh diambil bagi menangani masalah tersebut?</p> <p>2. Semua aktiviti audit dalam telah disumber luar kepada firma juruaudit bebas berlesen dan jumlah kos yang ditanggung untuk mengurus fungsi audit dalam bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023 ialah RM24,000. (Halaman 33, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Memandangkan yurannya agak kecil (RM2,000 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit</p>												

	<p>memberikan jaminan bahawa terdapat perlindungan yang mencukupi serta fungsi audit yang berkesan?</p> <p>b) Bolehkah jawatankuasa audit huraikan lebih lanjut mengenai skop pelan kerja audit dalam untuk tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Adakah kerja-kerja audit dalam meliputi semua segmen perniagaan utama pada tahun kewangan 2023?</p> <p>d) Apakah beberapa penemuan utama juruaudit dalam? Adakah juruaudit dalam mengusulkan sebarang cadangan kepada jawatankuasa audit? Jika ada, adakah cadangan itu telah dilaksanakan?</p>
--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif (ismet@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.